



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT(A) 1000/021/011/01 Jld. 13 (8)
Tarikh: 28 Mei 2021

YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
81310 UTM Johor Bahru
JOHOR

YBhg. Datuk,

**MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
BERHUBUNG KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN
TINGGI (JKPT) BIL.2/2021 PADA 4 MEI 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meluluskan permohonan UTM seperti berikut:

(a) Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Program Akademik

Senarai program akademik dan sesi penawaran diluluskan adalah seperti di Lampiran A.

3. Walau bagaimanapun, mesyuarat juga telah bersetuju untuk menangguhkan kelulusan terhadap permohonan UTM seperti berikut:

(a) Perubahan Nama Program Akademik dan Pensetaraan Nama Program Akademik Berdasarkan Kepada Penganugerahan Skrol Pelajar Bagi Program Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik).

Ulasan ditangguhkan kelulusan:

MQA telah diminta untuk membuat audit terhadap semua program akademik yang dijalankan oleh UTM. Sehubungan itu, Pihak UTM perlu menyemak dan berbincang dengan pihak MQA berhubung perkara ini dan mengemukakan hasil perbincangan tersebut kepada Urusetia JKPT untuk pertimbangan semula mesyuarat.



4. Penawaran program akademik oleh universiti awam (UA) yang melibatkan implikasi kewangan, perjawatan dan infrastruktur hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah/Gabenor Universiti (LPU/LGU) terlebih dahulu bagi memastikan program tersebut dapat dijalankan dengan berkesan.

5. Butiran kelulusan adalah seperti di Lampiran A dan cabutan minit Mesyuarat JKPT Bil.2/2021 disertakan untuk rujukan dan makluman jua. Perhatian YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“ PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF DATO' DR. HUSAINI B. OMAR)

s.k. :

YBrs. Prof. Dr. Zainuddin Abd Manan

Menjalankan Fungsi

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

81310 Skudai

JOHOR

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Mercu MQA,

No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5

63000 Cyberjaya

SELANGOR

Lampiran A

(a) Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Bagi Program Akademik

BIL	NAMA PROGRAM		TEMPOH PENGAJIAN		JUMLAH JAM KREDIT		KAEDAH PENYAMPAIAN		LOKASI PENAWARAN		SESI PENGAJIAN DITAWARKAN	TARIKH KELULUSAN SENAT
	NAMA ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)		
1	Sarjana Muda Sains (Matematik Industri) dengan Kepujian <i>Bachelor of Science (Industrial Mathematics) with Honours</i> NEC: 461 - Mathematics	Kekal	Sepenuh Masa: Min: 4 tahun (8 semester panjang) Maks: 6 tahun (12 semester panjang) Separuh Masa: Min: 5 tahun (10 semester panjang) Maks: 10 tahun (20 semester panjang)	Kekal	132 kredit	133 kredit	Kerja Kursus	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	31 Mac 2021

BIL	NAMA PROGRAM		TEMPOH PENGAJIAN		JUMLAH JAM KREDIT		KAEDAH PENYAMPAIAN		LOKASI PENAWARAN		SESI PENGAJIAN DITAWARKAN	TARIKH KELULUSAN SENAT
	NAMA ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)		
2	Sarjana Muda Sains (Matematik) dengan Kepujian <i>Bachelor of Science (Mathematics) with Honours</i> NEC: 461 - Mathematics	Kekal	Sepenuh Masa: Min: 4 tahun (8 semester panjang) Maks: 6 tahun (12 semester panjang) Separuh Masa: Min: 5 tahun (10 semester panjang) Maks: 10 tahun (20 semester panjang)	Kekal	129 kredit	133 kredit	Kerja Kursus	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	31 Mac 2021
3	Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Kepujian <i>Bachelor of Science (Chemistry) with Honours</i> NEC: 442 - Chemistry	Kekal	Sepenuh Masa: Min: 4 tahun (8 semester panjang) Maks: 6 tahun (12 semester panjang) Separuh Masa: Min: 5 tahun (10 semester panjang) Maks: 10 tahun (20 semester panjang)	Kekal	131 kredit	133 kredit	Kerja Kursus	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	27 Januari 2021

CABUTAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)
BIL.2/2021

Tarikh : 4 Mei 2021 (Selasa)
Masa : 11.15 pagi hingga 1.00 petang
Tempat : Secara Zoom Di Bilik Mesyuarat Al Khawarizmi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 Putrajaya

1. PERUTUSAN Pengerusi

1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Encik Wahi Nordin, Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, JPT mencadangkan supaya Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.1/2021 disahkan. Cadangan tersebut disokong oleh YBrs. Prof. Ir. Dr. Norlida Bunyamin, wakil daripada Lembaga Jurutera Malaysia dan disahkan tanpa pindaan.

3. PERKARA BERBANGKIT

Tidak berkenaan.

4. KERTAS CADANGAN UNIVERSITI BERSTATUS SWAAKREDITASI

4.2 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.2.1 Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Bagi Program Akademik

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Bil. Program Akademik Disemak	Nama Program Akademik	Tarikh Kelulusan Senat / LPU	Sesi Penawaran Diluluskan	Implikasi Perjawatan/Kewangan/ Fizikal
3 program akademik	Rujuk Lampiran 2			Tidak melibatkan implikasi kepada KPT

a) Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- (i) Semakan kurikulum bagi program akademik ini mengambil kira dapatan daripada Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia pada April 2020 yang menyatakan bahawa peratusan pengangguran meningkat kepada 5% berbanding tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa pelajar seterusnya graduan perlu bersedia dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri supaya dapat bersaing di pasaran pekerjaan secara sihat;
- (ii) Semakan kurikulum ini juga dijalankan untuk menambah baik program sedia ada supaya lebih relevan dengan keperluan semasa seterusnya dapat melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan industri; dan
- (iii) Semakan kurikulum bagi program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.

b) Mesyuarat bersetuju untuk **meluluskan** semakan kurikulum bagi program akademik selepas mengambil kira pandangan di para 4.2.1.

Tindakan:
UTM
BJA,JPT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

4.2.2 Perubahan Nama Program Akademik dan Pensetaraan Nama Program Akademik Berdasarkan Kepada Penganugerahan Skrol Pelajar

Ringkasan permohonan program adalah seperti berikut:

Bil	Nama Program Berdasarkan Skrol Pelajar & Didaftarkan di MQR	Nama Program Yang Diluluskan KPT	Keterangan Mengapa Nama Program & Penganugerahan Berbeza	Catatan
1	Sarjana Kejuruteraan (Elektrik – Komputer dan Sistem Mikroelektronik) Master of Engineering (Electrical-Computer & Microelectronic)	Tiada kelulusan KPT & Nama Fakulti diletakkan di hadapan nama program	Menggunakan surat kelulusan KPT yang membenarkan UTM menjalankan program secara UMUM –"Surat Kelulusan UMUM"	Tiada kelulusan KPT & Nama Fakulti diletakkan di hadapan nama program

Bil	Nama Program Berdasarkan Skrol Pelajar & Didaftarkan di MQR	Nama Program Yang Diluluskan KPT	Keterangan Mengapa Nama Program & Penganugerahan Berbeza	Catatan
2	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) <i>Master of Electrical Engineering (Computer and Microelectronic System)</i>	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) / <i>Master of Electrical Engineering (Computer & Microelectronics System)</i> ❖ kelulusan KPT 2005 & 2014	Kekeliruan Pengurusan Rekod Akademik UTM serta Pentafsiran Pentadbir Fakulti / Sekolah yang berbeza-beza	✓ Nama program berdasarkan kelulusan KPT 2005 & 2014 ❑ Bukti Penganugerahan: Hanya digunakan semasa Graduan Konvo UTM Ke 59 (28-31 Oktober 2017)
3	Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) <i>Master of Engineering (Computer and Microelectronic System)</i>	Sarjana Kejuruteraan (Komputer & Sistem Mikroelektronik) / <i>Master of Engineering (Computer and Microelectronic System)</i> ❖ kelulusan KPT 2010	Kekeliruan Pengurusan Rekod Akademik UTM serta Pentafsiran Pentadbir Fakulti / Sekolah yang berbeza-beza	✓ Nama program berdasarkan kelulusan KPT 2010 ❑ Tiada "S" - System
4	Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) <i>Master of Engineering (Computer and Microelectronic Systems)</i>	Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) <i>Master of Engineering (Computer and Microelectronic Systems)</i> ❖ kelulusan KPT 2010	Kekeliruan Pengurusan Rekod Akademik UTM serta Pentafsiran Pentadbir Fakulti / Sekolah yang berbeza-beza	✓ Nama program berdasarkan kelulusan KPT 2010 ❑ Nama Program & Penganugerahan yang digunakan dari 2017- sehingga sekarang
5	Sarjana Kejuruteraan (Elektrik – Komputer dan Sistem Mikroelektronik) <i>Master of Engineering (Electrical-Computer & Microelectronics)</i> Kesilapan Nama Penambahan "S" & tertinggal Perkataan "System" Versi BI	Tiada kelulusan KPT & Nama Fakulti diletakkan di hadapan nama program	Kekeliruan Pengurusan Rekod Akademik UTM Serta silap tafsiran oleh pentadbir UTM tentang System dan Systems.....atau And dan &.	Tiada kelulusan KPT & Nama Fakulti diletakkan di hadapan nama program Kesilapan Nama Penambahan "S" & tertinggal Perkataan "System" Versi BI

a) Mesyuarat mengambil maklum akan pembentangan daripada wakil UTM bahawa:

- (i) Permohonan ini adalah untuk mendaftarkan program akademik UTM yang telah berjaya mendapat perakuan Audit Akreditasi Penuh oleh Senat UTM pada tahun 2013 & Audit Pematuhan pada tahun 2017 ke dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- (ii) Ia juga bertujuan untuk membuat persetaraan nama program dan nama pengijazahan yang berbeza bagi program yang sama iaitu Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) /

Master of Engineering (Computer & Microelectronic Systems) yang ditawarkan oleh Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE), Fakulti Kejuruteraan;

- (iii) Nama program yang ditawarkan dan diberi penganugerahan oleh UTM ini adalah berdasarkan kepada keperluan pada waktu tersebut yang mana nama Fakulti diletakkan di dalam nama program dan digunapakai oleh Fakulti yang menawarkan program kejuruteraan di UTM sahaja;
 - (iv) Walaupun nama program dan nama penganugerahan yang digunakan oleh UTM berbeza dengan nama yang telah diluluskan oleh KPT, namun struktur kurikulum dan *nomenclature* program tersebut tetap sama kecuali penambahan 2 kredit pada semakan kurikulum pada tahun 2014.
 - (v) Lanjutan dari kelulusan Senat UTM ke atas kertas kerja semakan kurikulum Sarjana Kejuruteraan (Komputer dan Sistem Mikroelektronik) / *Master of Engineering (Computer & Microelectronic Systems)* pada 27 Januari 2021, persetaraan nama program akademik ini telah dibentangkan dan mendapat kelulusan Senat pada 24 Februari 2021; dan
 - (vi) Pensetaraan nama program akademik ini akan dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dalaman sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan, fizikal dan perjawatan kepada Kementerian.
- b) Mesyuarat bersetuju dan berpandangan bahawa:
- (i) MQA telah diminta untuk membuat audit terhadap semua program akademik yang dijalankan oleh UTM; dan
 - (ii) Pihak MQA perlu menyemak dan berbincang dengan pihak UTM berhubung perkara ini dan mengemukakan hasil perbincangan tersebut kepada Urusetia JKPT untuk pertimbangan semula mesyuarat.
- c) Mesyuarat bersetuju untuk **menangguhkan kelulusan** persetaraan nama program akademik dengan nama penganugerahan tersebut selepas mengambil kira pandangan di para 4.2.2 sebelum dibentangkan semula di dalam mesyuarat yang akan datang.

Tindakan:
UTM
MQA
BKA,JPT

5. KERTAS CADANGAN UNIVERSITI BUKAN BERSTATUS SWAAKREDITASI

Tidak berkenaan.

6. HAL – HAL LAIN

Tiada.

7. PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil.2/2021 ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Disediakan oleh:

Urus Setia JKPT
Bahagian Kecemerlangan Akademik
Jabatan Pendidikan Tinggi

Nota:

Cabutan Minit ini adalah tertakluk kepada pengesahan minit semasa mesyuarat akan datang.

Lampiran 2

UTM- Semakan Kurikulum: Perubahan Maklumat Bagi Program Akademik

BIL	NAMA PROGRAM		TEMPOH PENGAJIAN		JUMLAH JAM KREDIT		KAEDAH PENYAMPAIAN		LOKASI PENAWARAN		SESI PENGAJIAN DITAWARKAN	TARIKH KELULUSAN SENAT
	NAMA ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)		
1	Sarjana Muda Sains (Matematik Industri) dengan Kepujian <i>Bachelor of Science (Industrial Mathematics) with Honours</i> NEC: 461 - Mathematics	Kekal	Sepenuh Masa: Min: 4 tahun (8 semester panjang) Maks: 6 tahun (12 semester panjang) Separuh Masa: Min: 5 tahun (10 semester panjang) Maks: 10 tahun (20 semester panjang)	Kekal	132 kredit	133 kredit	Kerja Kursus	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	31 Mac 2021

BIL	NAMA PROGRAM		TEMPOH PENGAJIAN		JUMLAH JAM KREDIT		KAEDAH PENYAMPAIAN		LOKASI PENAWARAN		SESI PENGAJIAN DITAWARKAN	TARIKH KELULUSAN SENAT
	NAMA ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)	ASAL	PINDAAN TERKINI (JIKA ADA)		
2	Sarjana Muda Sains (Matematik) dengan Kepujian <i>Bachelor of Science (Mathematics) with Honours</i> NEC: 461 - Mathematics	Kekal	Sepenuh Masa: Min: 4 tahun (8 semester panjang) Maks: 6 tahun (12 semester panjang) Separuh Masa: Min: 5 tahun (10 semester panjang) Maks: 10 tahun (20 semester panjang)	Kekal	129 kredit	133 kredit	Kerja Kursus	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	31 Mac 2021
3	Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Kepujian <i>Bachelor of Science (Chemistry) with Honours</i> NEC: 442 - Chemistry	Kekal	Sepenuh Masa: Min: 4 tahun (8 semester panjang) Maks: 6 tahun (12 semester panjang) Separuh Masa: Min: 5 tahun (10 semester panjang) Maks: 10 tahun (20 semester panjang)	Kekal	131 kredit	133 kredit	Kerja Kursus	Kekal	Fakulti Sains	Kekal	Semester 1, Sesi 2022/2023	27 Januari 2021